

Headline	NRE komited usaha pemuliharaan hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	5	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	380 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,579
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,737



**MENTERI** menandatangani plak perasmian Villa Fragrans sambil diperhatikan oleh Dr. Abd. Latif Mohmod (kiri) dan Dr. Ismail Harun di Kepong baru-baru ini.

## NRE komited usaha pemuliharaan hutan

**K**EMENTERIAN Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sedang meneliti pelbagai rang undang undang (RUU) untuk menangani konflik bidang kuasa yang berkaitan dengan biodiversiti dan perhutanan bagi mengukuhkan peranan, penguatkuasaan serta usaha pemuliharaannya.

Menterinya **Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar** berkata perkara itu perlu bagi membolehkan sebarang usaha berkaitan tiga isu tersebut dapat ditangani dengan berkesan.

Beliau memberi contoh usaha Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), salah sebuah agensi NRE yang banyak membantu usaha tersebut sejak penubuhannya dan memberi jaminan akan terus menyokong dan menyeru agar FRIM untuk meneruskan prestasi yang cemerlang.

Beliau berkata, sains adalah penting kerana semua keputusan yang dibuat perlu berasaskan fakta sains.

"Oleh demikian, FRIM perlu proaktif dan membekalkan data kepada pihak berkepentingan untuk membantu mereka membuat keputusan yang baik," ujar beliau semasa mengadakan lawatan korporat ke kampus FRIM di Kepong baru-baru ini bagi mendengar maklum balas daripada pengurusan FRIM serta berkongsi visi kementerian.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abd**

**Latif Mohmod**; Timbalannya, Dr. Ismail Harun; dan ahli-ahli Majlis Pengurusan Tertinggi FRIM.

Sementara itu, semasa menyampaikan taklimatnya mengenai latar belakang, visi, misi serta aktiviti-aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan oleh FRIM, **Abd. Latif** berkata, pihaknya sentiasa komited untuk meneruskan peranan dan tanggungjawab sebagaimana selari dengan matlamat kementerian.

Antara lain, beliau turut berkongsi beberapa isu-isu kepentingan awam dan saintifik yang terus diperjuang oleh FRIM selain memberi penghargaan kepada menteri atas komitmen dan dedikasi beliau terhadap isu-isu perhutanan dan biodiversiti yang melibatkan FRIM dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia termasuk merealisasikan kelulusan RUU FRIM di Parlimen baru-baru ini.

Sempena dengan lawatan ini, **Wan Junaidi** turut menyempurnakan perasmian Villa Fragrans yang telah diubah suai daripada banglo kolonial. Ia merupakan lokasi terkini yang terbuka kepada orang ramai untuk mengadakan aktiviti korporat seperti pelancaran produk, pameran, majlis makan malam serta lokasi yang sangat sesuai untuk perkahwinan taman.

Beliau kemudiannya melawat pameran yang diadakan sebelum diakhiri dengan penanaman pokok damar minyak (*Agathis borneensis*) sebagai acara simbolik program tersebut.



**DR. WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR** dan **Dr. Abd. Latif** menanam pokok damar minyak sebagai simbol perasmian.